

AMALAN PENGAJARAN GURU AGAMA DALAM KURIKULUM BERSEPADU DINI DI SABK NEGERI KELANTAN

FATIN NURDIANA BINTI MAHMUD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN PENGAJARAN GURU AGAMA DALAM
KURIKULUM BERSEPADU DINI DI
SABK NEGERI KELANTAN**

FATIN NURDIANA BINTI MAHMUD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (√)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁰.....(hari bulan).....⁰⁹..... (bulan) 20..²⁴..

i. Perakuan pelajar :

Saya, FATIN NURDIANA BINTI MAHMUD, M20192001291, FSK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN GURU AGAMA DALAM KURIKULUM BERSEPADU DINI DI SABK NEGERI KELANTAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN PENGAJARAN GURU AGAMA DALAM KURIKULUM BERSEPADU DINI DI SABK NEGERI KELANTAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN ISLAM (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

27 SEPTEMBER 2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AMALAN PENGAJARAN GURU AGAMA DALAM
KURIKULUM BERSEPADU DINI DI SABK NEGERI KELANTAN

No. Matrik /Matric's No.: M20192001291

Saya / I : FATIN NURDIANA BINTI MAHMUD

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD

Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 27 SEPTEMBER 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW penghulu segala Nabi dan rasul. Saya bersyukur ke hadrat Allah taala kerana dengan taufiq dan inayah-Nya telah memberikan kekuatan kepada saya menyempurnakan tesis sarjana ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia tesis ini iaitu Prof Madya Dr. Norhisham bin Muhamad atas bimbingan dan dorongan serta teguran dan bantuan yang tidak berbelah bahagi dalam usaha menjayakan kajian ini. Tidak dilupakan juga sekalung budi kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan. Setulus ikhlas tidak dilupakan kepada semua Pengetua Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di tujuh buah sekolah di negeri Kelantan kerana telah memberi kerjasama yang baik membenarkan guru agama mereka menjadi responden kajian ini. Sekalung penghargaan juga kepada semua guru-guru agama SABK yang terlibat dalam kajian ini. Hanya Allah SWT sahaja yang membalas budi baik kalian.

Buat bonda Zainun dan ayahanda Mahmud tersayang yang sentiasa mendoakan kejayaan anakmu dalam menempuh cabaran menimba ilmu pengetahuan, terima kasih di atas segala jasa dan pengorbananmu. Sekalung penghargaan yang teristimewa buat suami yang tercinta, Muhammad Syafiq yang memberi sokongan moral yang tidak pernah jemu beserta dengan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Buat anakku yang tersayang, Muhammad Noah Ayden yang menjadi penyejuk mata yang akan meneruskan perjuangan ini. Semoga kejayaan ini akan menjadi kesinambungan kejayaan kamu nanti.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru agama menerusi Kurikulum Bersepadu Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) negeri Kelantan dalam aspek penggunaan Bahasa Arab, kaedah pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dan sahsiah. Kajian ini juga adalah bagi mengenalpasti perbezaan menerusi aspek penggunaan Bahasa Arab guru berdasarkan demografi. Kajian ini berbentuk kuantitatif melibatkan seramai 71 orang guru agama SABK. Instrumen kajian yang digunakan ialah set soal selidik yang telah disahkan oleh dua orang pakar. Kebolehpercayaan instrumen soal selidik adalah tinggi berdasarkan pekali Alpha Cronbach bagi soal selidik ialah (>0.982). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif kekerapan, peratusan min, sisihan piawai dan inferens ujian-T dan ANOVA. Dapatan kajian amalan pengajaran guru agama menerusi KBD menunjukkan bahawa semua aspek amalan pengajaran guru agama diantara penggunaan Bahasa Arab (min=4.02, sp=0.38), kaedah pengajaran (min=4.25, sp=0.34) dan sahsiah (min=4.61, sp=0.39) adalah berada pada tahap yang tinggi. Namun, aspek penggunaan BBM adalah pada tahap yang sederhana tinggi (min=3.88, sp=0.61). Analisis inferensi pula menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam penggunaan Bahasa Arab berdasarkan faktor demografi. Kesimpulannya, guru agama perlu menggunakan Bahasa Arab sepenuhnya sewaktu mengajar supaya dapat menghasilkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada murid. Implikasi daripada kajian ini ialah amalan pengajaran dari aspek penggunaan BBM perlu ditambah baik dan digunakan secara optimum oleh guru agama agar pengajaran yang berkualiti dapat dihasilkan menerusi KBD.





THE TEACHING PRACTICES OF RELIGIOUS TEACHERS THROUGH DINI INTEGRATED CURRICULUM AT THE GOVERNMENT-AIDED RELIGIOUS SCHOOL (SABK) IN KELANTAN

ABSTRACT

This study aims to identify the teaching practices of religious teachers through Dini Integrated Curriculum at the government-aided religious school (SABK) in the state of Kelantan which involves the practice of using Arabic language, teaching methods, the use of teaching aids and the teacher's personality. This study is also to identify differences through the using the Arabic language by the religious teachers based on their demographics. This quantitative study involved a total of 71 SABK religious teachers. The research instrument used is a set of questionnaires that have been verified by two experts. The reliability of the questionnaire instrument is high based on Alpha's Cronbach coefficient for the questionnaire is (>0.982). Data was analyzed using descriptive statistics of frequency, mean, percentage, standard deviation, inferential T-test and ANOVA. The findings of the study show that the teaching practices of religious teachers through all aspects of using the Arabic language (min=4.02, sp=0.38), teaching methods (min=4.25, sp=0.34) and personality (min=4.61, sp= 0.39) are at a high level. However, the aspect of the use of teaching aids is at a moderately high level (mean=3.88, sp=0.61). The analysis inference shows that there is no significant difference in the use of Arabic language based on demographic factors. In conclusion, the teachers need to use fully Arabic language when teaching in class to produce effective teaching and learning sessions for the students. The implication of this study is that teaching practices from the aspect of using the teaching aids need to be improved and used optimally by the religious teachers at SABK so that the teaching quality can be produced through KBD.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xiii

SENARAI SINGKATAN xiv

SENARAI LAMPIRAN xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 3

1.3 Pernyataan Masalah 6

1.4 Tujuan Kajian 12

1.5 Objektif Kajian 13

1.6	Persoalan Kajian	13
1.7	Hipotesis Kajian	14
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	15
1.9	Kepentingan Kajian	16
1.10	Batasan Kajian	18
1.11	Definisi Operasi Kajian	19
1.11.1	Amalan Pengajaran	19
1.11.2	Guru Agama	20
1.11.3	Kurikulum Bersepadu Dini	21
1.12	Rumusan	21

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2	Pembelajaran Pengajian Islam Dalam Bahasa Arab di Malaysia	23
2.3	Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di Malaysia	25
2.3.1	Kepentingan KBD	28
2.4	Amalan Pengajaran	31
2.4.1	Penggunaan Bahasa Arab	33
2.4.2	Kaedah Pengajaran	36
2.4.3	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)	39
2.4.4	Sahsiah	42
2.5	Sorotan Kajian Lepas	44

2.6	Rumusan	53
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	54
-----	------------	----

3.2	Reka Bentuk Kajian	55
-----	--------------------	----

3.3	Tatacara Kajian	56
-----	-----------------	----






3.4	Lokasi Kajian	56
-----	---------------	----

3.5	Populasi Dan Sampel Kajian	57
-----	----------------------------	----

3.6	Instrumen Kajian	59
-----	------------------	----

3.6.1	Soal Selidik	59
-------	--------------	----

3.6.2	Skala Jawapan Responden	61
-------	-------------------------	----

 05-4506832	 3.7 Kesahan Dan Kebolehpercayaan	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	62
--	--	--	--	---	----

3.7.1	Kajian Rintis	63
-------	---------------	----

3.7.2	Kebolehpercayaan Instrumen	65
-------	----------------------------	----

3.8	Prosedur Kajian	67
-----	-----------------	----

3.8.1	Tatacara Pemerolehan Data	67
-------	---------------------------	----

3.8.2	Kaedah Analisis Data	68
-------	----------------------	----

3.8.2.1	Analisis Data secara Deskriptif	68
---------	---------------------------------	----

3.8.2.2	Analisis Data secara Inferens	69
---------	-------------------------------	----

3.9	Rumusan	70
-----	---------	----

BAB 4 HASIL KAJIAN

4.1	Pendahuluan	72
-----	-------------	----

4.2	Latar Belakang Sampel Kajian	73
4.2.1	Sekolah	75
4.2.2	Jantina	76
4.2.3	Pengalaman Mengajar	77
4.2.4	Kelulusan Akademik	78
4.3	Analisis Data Secara Deskriptif Dalam Kalangan Guru Agama	79
4.3.1	Analisis Deskriptif Amalan Pengajaran Dalam Kalangan Guru Agama	78
4.3.2	Aspek Penggunaan Bahasa Arab	79
4.3.3	Aspek Kaedah Pengajaran	84
4.3.4	Aspek Penggunaan BBM	89
4.3.5	Aspek Sahsiah	94
4.4	Analisis Perbezaan	98
4.4.1	Perbezaan Min Skor Penggunaan Bahasa Arab Berdasarkan Jantina	98
4.4.2	Perbezaan Min Skor Penggunaan Bahasa Arab Berdasarkan Pengalaman Mengajar	99
4.4.3	Perbezaan Min Skor Penggunaan Bahasa Arab Berdasarkan Kelulusan Akademik	100
4.5	Rumusan	101

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN KAJIAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	103
5.2	Ringkasan Kajian	103

5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	106
5.3.1	Amalan Pengajaran Guru Agama	106
5.4	Rumusan Kajian	111
5.4.1	Rumusan Faktor Demografi	112
5.4.2	Rumusan Amalan Pengajaran	112
5.5	Implikasi Kajian	113
5.6	Cadangan	115
5.6.1	Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	116
5.6.2	Cadangan kepada pelaksana Kurikulum Bersepadu Dini	117
5.6.3	Cadangan Kajian Lanjutan	118

5.7	Rumusan	119
	RUJUKAN	120
	LAMPIRAN	134

SENARAI JADUAL

No.	Jadual	Muka Surat
3.1	Skala Soal Selidik	62
3.2	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	66
3.3	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Soal Selidik Guru	66
3.4	Interpretasi Skor Min	69
4.1	Profil Responden Berdasarkan Keseluruhan Demografi	74
4.2	Profil Responden Berdasarkan Jantina Guru	76
4.3	Profil Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	77
4.4	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Penggunaan Bahasa Arab	82
4.5	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Kaedah Pengajaran	86
4.6	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Penggunaan BBM	91
4.7	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai tentang Sahsiah	96
4.8	Analisis Ujian-t Penggunaan Bahasa Arab berdasarkan Jantina	99
4.9	ANOVA Penggunaan Bahasa Arab Berdasarkan Pengalaman Mengajar	100
4.10	ANOVA Penggunaan Bahasa Arab Berdasarkan Kelulusan Akademik	101

SENARAI RAJAH

No.	Rajah	Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian	16
4.1	Profil Responden Berdasarkan Sekolah	75
4.2	Profil Responden Berdasarkan Kelulusan Akademik	78

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPPD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
GPI	Guru Pendidikan Islam
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
JAKIM	Jabatan Agama Islam Malaysia
JPI	Jabatan Pengajian Islam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBD	Kurikulum Bersepadu Dini
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LEPAI	Lembaga Penasihat Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah



PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
S.A.W	<i>Sallallahu 'Alaihi Wasallam</i>
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
SMU (A)	Sekolah Menengah Ugama (Arab)
SPBT	Skim Pinjaman Buku Teks
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
SWT	<i>Subhanahu Wata'ala</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
YIK	Yayasan Islam Kelantan





SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan Status Pelajar
- B Keputusan Permohonan Etika Penyelidikan (Manusia)
- C Soal Selidik



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Profesion untuk menjadi seorang guru dimana tugas hakikinya adalah untuk mendidik anak bangsa merupakan satu kerjaya yang sangat mulia. Selain daripada mendidik anak bangsa, peranan sebagai seorang guru juga adalah untuk mengajar, menyampaikan ilmu, membentuk kehidupan murid dan membantu murid untuk menjadi seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dan berguna untuk masa hadapan. Untuk mewujudkan anak bangsa yang boleh berjasa kepada agama, masyarakat dan negara, guru perlu memberi latihan secara berpanjangan bagi membentuk anak didik mereka supaya menjadi seorang yang alim dalam ilmu pengetahuan dan mempunyai akhlak yang terpuji. Seperti yang dinyatakan menerusi hasrat Falsafah Pendidikan Islam (FPI),



perkembangan latihan serta didikan yang berterusan adalah diperlukan bagi mewujudkan murid yang selari dengan objektif yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti yang berikut:

Falsafah Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.

(KPM, 2012)

Melalui hasrat juga objektif yang telah termaktub menerusi FPI, guru adalah seseorang yang bertanggungjawab besar untuk membentuk kehidupan murid-muridnya agar dapat memperolehi kebaikan sewaktu di dunia serta di akhirat kelak. Justeru, untuk mewujudkan kemenjadian generasi yang mempunyai akhlak yang terpuji serta mencapai matlamat FPI, guru memainkan beberapa peranan penting iaitu sebagai seorang Mursyid, Murabbi dan Muaddib agar insan yang seimbang dan mempunyai peribadi yang baik dapat dihasilkan melalui sistem pendidikan negara kita pada masa kini. Asnuurien Ahmad & Azlin Mansor (2013).

Guru bukan sahaja perlu menggalas peranan sebagai seorang mursyid, murabbi dan muaddib tetapi juga harus mempunyai tahap kompetensi diri yang cemerlang supaya boleh diaplikasikan dalam pengajaran. Ini termasuklah membiasakan diri dengan kandungan sukatan pelajaran, mempunyai kaedah pengajaran menarik, bukan hanya menggunakan kaedah pengajaran tradisional sahaja serta mempunyai tahap kreativiti yang tinggi supaya boleh diaplikasikan sewaktu sesi pengajaran dan





pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Contohnya mewujudkan kepelbagaian jenis bahan bantu mengajar (BBM) bagi menarik minat dan perhatian murid. Selain itu, guru juga mesti mempunyai sikap positif terhadap diri dan persekitaran mereka. Justeru, sebagai seorang guru, mereka mestilah mempunyai sikap serba serbi boleh menerusi semua aspek terutamanya semasa mengajar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, Bahasa Arab adalah antara bahasa luar yang mungkin ditawarkan di sekolah-sekolah selain daripada Bahasa Jepun menerusi Akta Pendidikan 1996 (JAPIM, 2002). Menurut Sufean Hussin (2002), dunia pendidikan sentiasa bercirikan perubahan kurikulum dan penggunaan teknik baharu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dimana ianya mempunyai tujuan bagi meningkatkan kualiti serta mutu pendidikan negara selain daripada kefahaman serta prestasi pembelajaran murid dapat dipertingkatkan. Seiring dengan kemajuan pendidikan negara, pelbagai jenis kurikulum telah diperkenalkan dari semasa ke semasa untuk menambah baik sistem pendidikan di Malaysia.

Sekolah-sekolah di Malaysia menggunakan pelbagai jenis kurikulum. Salah satu kurikulum yang diperkenalkan ke dalam sistem pendidikan negara ialah Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Kurikulum tersebut mengaplikasikan penggunaan Bahasa Arab dalam semua matapelajaran. Kurikulum Bersepadu Dini ataupun KBD telah diwujudkan dan diperkenalkan khas oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan juga Lembaga Penasihat





Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) sebagai sebuah kurikulum yang baharu. Menjelang tahun 2012, KBD menerima pengiktirafan sebagai kurikulum kebangsaan seterusnya diaplikasikan penggunaannya bermula tahun 2015. Selain daripada KBD, kurikulum ini turut dipanggil sebagai Kurikulum Dini. Sekolah-sekolah agama yang ada di Malaysia telah melaksanakan kurikulum ini. Antara sekolah-sekolah tersebut adalah seperti Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Sekolah-sekolah agama tersebut menggunakan Kurikulum Kebangsaan dan Kurikulum Dini dimana ianya dikenali sebagai dwikurikulum. (KPM, 2012)

Terdapat beberapa matapelajaran yang dilaksanakan melalui KBD. Bagi murid menengah rendah, mereka akan mempelajari beberapa jenis matapelajaran iaitu Usuluddin, Syariah dan Lughah Arabiah al-Mu'asirah manakala beberapa matapelajaran baharu ditambah seperti Manahij al-'Ulum al-Islamiyyah dan al-Adab wa al-Balaghah kepada murid yang berada di menengah atas. Penambahan subjek baharu sebagaimana yang berikut memerlukan guru untuk mengajar dengan mengaplikasikan penggunaan Bahasa Arab di dalam bilik darjah.

KBD yang diperkenalkan beberapa tahun yang lalu menekankan keupayaan murid untuk menggunakan dan menguasai Bahasa Arab. Untuk mencapai matlamat berikut, murid hendaklah mengambil bahagian dan bersikap proaktif semasa mengikuti proses pembelajaran agar boleh memahami serta menguasai sepenuhnya Bahasa Arab. Oleh itu, guru adalah seseorang yang memainkan peranan bagi memastikan murid memahami dan menguasai pembelajaran KBD semasa belajar. Namun, beberapa masalah berkaitan pelaksanaan KBD dalam kalangan guru agama telah dapat





dikenalpasti. Kebanyakan mereka tidak biasa dengan kandungan isi pengajaran. Seterusnya, terdapat beberapa golongan guru yang masih lagi mengaplikasikan kaedah pengajaran secara tradisional untuk pengajaran bilik darjah seperti menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan guru semata-mata dan tidak menggunakan kaedah pengajaran dua hala. Selain itu, guru agama yang mengajar melalui KBD hanya mengaplikasikan penggunaan BBM dengan menggunakan buku teks sahaja dan tidak mempelbagaikan penggunaan BBM serta mempunyai sahsiah diri yang buruk dimana mereka seharusnya menunjukkan contoh yang baik dan menjadi guru teladan.

Selari dengan berkembangnya pembangunan sistem pendidikan di negara ini, guru juga perlu meningkatkan kemahiran amalan pengajaran mereka khususnya guru agama yang terlibat menerusi pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini. Bagi meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran KBD, ianya merupakan tugas yang tidak mudah untuk dilaksanakan oleh golongan guru-guru agama. Proses tersebut adalah secara berterusan dimana mereka harus sentiasa belajar, menyelidik dan membuat refleksi diri untuk mencapai matlamat yang lebih berkesan dan sempurna menerusi sesi pengajaran (Mohd Musnizam Jaafar et al. 2012). Menurut Walpole (2009), pengajaran yang berkesan oleh seseorang guru sering dikaitkan dengan amalan pengajaran yang khusus. Contohnya, pengajaran yang sistematik dilaksanakan oleh seseorang guru (Kemp & Hall, 2002) dengan melakukan pengorbanan masa, tenaga serta idea bagi memberi bantuan terhadap para murid yang memerlukan perkhidmatan bantuan pembelajaran daripada mereka (Taylor et al., 2009).

Melalui pembentukan KBD di sekolah-sekolah agama, kesemua matapelajaran adalah diajar dalam Bahasa Arab. Untuk memastikan murid mencapai matlamat





pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini, guru agama itu sendiri memerlukan keberkesanan amalan pengajaran seperti mempunyai kefasihan dalam berbahasa Arab, mempunyai penguasaan Bahasa Arab yang baik untuk melaksanakan sistem pendidikan KBD, mengaplikasikan kaedah pengajaran selaras dengan perkembangan semasa dunia pendidikan, penggunaan BBM yang pelbagai untuk menimbulkan minat dan kefahaman murid, sahsiah diri dan budi pekerti yang baik. Justeru, matlamat utama menerusi kajian yang dijalankan adalah bagi mengenalpasti amalan pengajaran guru agama SABK untuk mengaplikasikan pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini semasa mengajar.

Menerusi pernyataan tersebut, boleh dirumuskan bahawa keberkesanan amalan pengajaran guru agama berperanan penting dan bertanggungjawab besar sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran sedang berjalan khasnya menerusi pelaksanaan KBD. Dengan lahirnya golongan guru yang mempunyai kompetensi diri yang cemerlang melalui keberkesanan amalan pengajaran, mereka akan dapat memastikan sesi mengajar di dalam bilik darjah menggunakan Kurikulum Dini dapat dijalankan dalam keadaan yang baik serta dapat mewujudkan golongan murid yang dapat menguasai, cemerlang dan fasih berbahasa Arab serta mampu memenuhi matlamat KBD itu sendiri.

1.3 Pernyataan Masalah

Bagi memastikan pelaksanaan penggunaan Bahasa Arab yang berkesan, guru mesti mempertimbangkan kemahiran dan peranan mereka untuk mencapai objektif kurikulum yang digubal. Untuk memastikan amalan pengajaran yang berkesan melalui





sesi pengajaran dan pembelajaran, guru mestilah menjadi individu yang menarik, kreatif, inovatif supaya penyampaian isi pengajaran lebih berkesan dan dapat menarik perhatian dan minat murid. Mohd Musnizam et al (2012).

Menurut Noor Hisham Md Nawawi (2011), adalah penting untuk seorang pendidik menghasilkan pengajaran yang berkesan supaya sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan selancarnya. Namun, menerusi sebuah kajian yang dijalankan daripada Kamarulzaman et al. (2014), memaparkan bahawa sesuatu pengajaran menerusi penggunaan Bahasa Arab mempunyai beberapa jenis masalah yang tersendiri. Antaranya ialah sesi pengajaran guru menerusi matapelajaran Feqah yang berpandukan sukatan Kurikulum Al-Azhar tidak begitu menitikberatkan konsep linguistik semasa pengajaran mereka. KBD memerlukan murid untuk mempunyai penguasaan dan pemahaman bahasa Arab, tetapi guru tidak menitikberatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Arab kepada murid. Kajian seterusnya yang dijalankan oleh Shamshinar (2014), mendapati apabila GPI diberikan peluang mengajar matapelajaran yang menggunakan Bahasa Arab, mereka tidak dapat melakukannya kerana penguasaan kosa kata mereka yang rendah dalam Bahasa Arab serta kurang keyakinan diri bagi mengajar matapelajaran Bahasa Arab.

Seterusnya, Al-Muslim Mustapa et al. (2012) menyatakan bahawa tahap amalan pengajaran para guru yang mengajar Bahasa Arab Komunikasi di SMKA dan KAA adalah sederhana. Hal ini adalah bertepatan menerusi hasil oleh Maimun et al. (2014), tahap interpretasi amalan pengajaran serta pembelajaran di dalam bilik darjah mempamerkan tahap pengetahuan guru yang melaksanakan pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan adalah sederhana. Hazrul Affendi et al. (2016) juga





menunjukkan melalui kajian yang telah dilaksanakan bahawa golongan guru yang mengajar matapelajaran STAM mempunyai tahap pengetahuan Nahu yang sederhana. Hasil kajian tersebut bertepatan dengan pelaksanaan kajian oleh Awatif et al. (2019) dimana tahap kompetensi dalam kalangan guru Bahasa Arab di SABK berdasarkan kualiti yang dimiliki oleh mereka menerusi penguasaan bahasa dan pengajaran Nahu adalah sederhana.

Perancangan secara sistematik serta kaedah bersesuaian harus dirancang oleh guru sebelum memulakan pengajaran di dalam bilik darjah. Namun, menurut Rosni Samah (2009), kaedah terjemahan lebih ditumpukan menerusi sesi pengajaran di sekolah agama. Hal ini adalah disebabkan kerana matapelajaran yang akan diajar adalah dalam Bahasa Arab. Maka, para guru memilih pendekatan yang mudah difahami oleh murid mereka dengan terjemahan perkataan demi perkataan. Akibatnya, berdasarkan pelaksanaan kajian Anuar Sopian et al. (2013) mendapati bahawa kaedah pengajaran oleh guru menjadi kurang keberkesannya sehingga mengakibatkan murid mendapat kesukaran dalam memahami ilmu yang berkaitan dengan Bahasa Arab serta kemahiran Bahasa Arab khususnya dalam matapelajaran berorientasikan KBD seperti Usuluddin, Syariah dan sebagainya. Taat (2011) menyatakan menerusi kajiannya bahawa golongan GPI tidak mengaplikasikan kaedah pengajaran yang berbeza semasa mengajar. Perkara ini disokong oleh Kamarul Azmi (2011), yang berpendapat bahawa pendekatan pedagogi GPI masih dikaitkan dengan pengajaran pasif, tidak bersifat inovatif dan hanya berpusatkan guru seperti syarahan, hafazan, sesi soal jawab serta perbincangan.

Selari dengan kajian Kamarul Azmi et al. (2012), sebanyak 80% daripada golongan guru Pendidikan Islam masih mengaplikasikan kaedah syarahan serta kuliah





semasa mengajar. Berdasarkan kajian oleh Shahril @ Charil bin Hj Marzuki (2014) juga mendapati guru tidak merancang pengajaran lebih awal dan tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran. Perkara tersebut menyebabkan keberkesanan amalan pengajaran guru menjadi rendah dan mengakibatkan isi kandungan pelajaran yang disampaikan menjadi tidak jelas kurang difahami oleh para murid. Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Fuad (2018) menunjukkan guru-guru agama SABK yang terlibat dengan penggunaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) masih lagi menggunakan kaedah lama sewaktu mengajar. Mereka tidak mengaplikasikan kaedah pengajaran yang melibatkan murid sebaliknya hanya mengaplikasikan kaedah pengajaran berpusatkan guru sahaja. Dapatan kajian berikut ialah selari dengan kajian yang dilakukan daripada Haron (2018) dimana kaedah terjemahan adalah kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh golongan guru agama sewaktu mengajar.



Guru yang mengajar menerusi KBD mempunyai tahap kebolehan menggunakan bahan bantu mengajar yang rendah. Skor min tertinggi bagi penggunaan BBM ialah 4.38 iaitu penggunaan buku teks dan papan tulis. Penggunaan BBM yang terendah pula iaitu mencatatkan nilai purata sebanyak 1.16 sahaja adalah melibatkan penggunaan televisyen sebagai bahan bantu mengajar (Maimun et al. 2014). Isu ini telah dikuatkan lagi dalam kajian lepas oleh Maimun et al. (2017) menunjukkan bahawa tahap keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah sederhana rendah menerusi matapelajaran Pendidikan Islam dengan purata skor 2.57 bagi penggunaan BBM. Kajian oleh Haron et al (2018) menguatkan lagi hasil kajian lepas yang menunjukkan data bahawa penggunaan BBM yang mempunyai purata skor tertinggi adalah sebanyak 3.99 iaitu menggunakan buku kerja manakala penggunaan BBM berada pada tahap rendah adalah dengan sebanyak 1.98 iaitu dengan menggunakan radio sebagai bahan





bantu mengajar. Menerusi dapatan kajian lepas yang berikut, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa tahap guru agama SABK yang mengaplikasikan BBM berunsurkan multimedia seperti televisyen dan radio sewaktu mengajar menerusi KBD adalah rendah.

Selain itu, pengaplikasian BBM dalam kalangan guru agama di SABK menerusi penggunaan bahan teknologi seperti VLE Frog berada pada tahap yang sederhana dari segi kemahiran serta penggunaan aplikasi (Yusoh & Mansor, 2015). Kenyataan ini turut mendapat sokongan dengan laporan bahawa guru agama di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan tidak menggunakan bahan bantu mengajar yang menjadikan guru bersifat inovatif menerusi pengajaran KBD di sekolah mereka. Laporan itu juga menyatakan bahawa penggunaan buku teks digunakan oleh guru agama di SABK sebagai BBM yang utama sewaktu mengajar. (Bahagian Pendidikan Islam, 2017). Pernyataan ini disokong lagi dengan dapatan bahawa persekitaran pengajaran dan pembelajaran maya melalui VLE Frog adalah pada tahap sederhana menerusi kalangan guru agama di SABK (Noraizan et al 2019). Guru SABK perlu terus meningkatkan kemahiran mereka untuk menggunakan BBM terutamanya dalam matapelajaran yang merangkumi kurikulum dini. BBM berperanan penting dalam memahami konsep dan isi kandungan pelajaran khususnya menerusi matapelajaran yang berfokuskan kepada Bahasa Arab selain daripada dapat menarik perhatian murid untuk belajar (Haron et al. 2018).

Menerusi kajian Ab.Halim et. al (2007) mengenai tinjauan semasa mengajar kurikulum Pendidikan Islam mendapati wujudnya masalah dalam kalangan murid yang ditemu bual iaitu mereka tidak faham apa yang mereka belajar berikutan daripada penerangan guru yang tidak jelas, topik sesuatu matapelajaran yang dipelajari tidak





dapat dikaitkan dalam kehidupan seharian, kaedah pengajaran guru yang kurang tarikannya menyebabkan murid mengantuk dan bosan serta guru tidak mempamerkan perilaku yang baik ketika mengajar. Berdasarkan kajian daripada Syed Najmudin et. al (2009) mengenai tanggapan murid kepada profesionalisme keguruan mendapati bahawa GPI kurang menitikberatkan perkataan semasa berbicara dan tidak mahir dalam menarik perhatian serta mengambil hati murid. Kajian Sarimah et al. (2011) adalah berkaitan dengan tanggapan penghayatan akhlak Islam menerusi kalangan murid merumuskan bahawa guru harus mempunyai penambahbaikan menerusi kaedah pengajaran, cakna dengan masalah yang dihadapi oleh murid dan menjadi contoh teladan yang baik agar dapat dicontohi oleh murid untuk meningkatkan penghayatan akhlak mereka selain daripada membentuk akhlak mahmudah dalam diri.



Guru Pendidikan Islam (GPI) dikatakan terlalu garang semasa di dalam bilik darjah, memarahi murid tanpa sebab, mengutuk dan menghina murid, apabila murid menanyakan soalan tidak diberikan jawapan serta mempunyai sikap mementingkan diri. Kajian yang diperolehi hasil kajian Gamal Abdul Nasir Zakaria et. al (2015) mendapati wujudnya guru yang kurang mempunyai minat untuk melakukan perubahan bagi mengajar Bahasa Arab dimana perkara sedemikian akan menunjukkan sikap guru yang membawa kepada kelemahan sewaktu mengajar Bahasa Arab. Walaupun situasi tersebut hanya berlaku dalam sesetengah GPI, masalah sedemikian akan mewujudkan impak negatif terhadap pembangunan akhlak dan sahsiah murid serta perlu diberikan perhatian yang serius. Zawawi Ismail et. al (2011)



Berpandukan kepada pernyataan masalah yang berikut, kajian yang ingin dilaksanakan adalah mengenai amalan pengajaran guru agama SABK berpandukan Kurikulum Bersepadu Dini yang diwujudkan menerusi beberapa aspek iaitu penggunaan Bahasa Arab, kaedah pengajaran, penggunaan BBM dan sahsiah guru. Perkara tersebut berikutan kerana kurikulum yang dikaji merangkumi matapelajaran agama yang diajar menerusi Bahasa Arab. Bagi mewujudkan murid berkemahiran berbahasa Arab menerusi KBD, guru berperanan untuk melaksanakan peningkatan amalan pengajaran dalam pelbagai aspek di samping mencapai objektif Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Pendidikan Islam. Oleh itu, adalah perlu bagi pengkaji untuk menjalankan kajian ini bagi memastikan kebaikan bersama untuk masa hadapan.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan pengkaji untuk melaksanakan kajian ini adalah bagi mengenalpasti mengenai amalan pengajaran guru agama melalui pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini di SABK negeri Kelantan. Selain itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui amalan pengajaran dari aspek penggunaan Bahasa Arab, kaedah pengajaran, penggunaan BBM dan sahsiah guru agama di SABK negeri Kelanta



1.5 Objektif Kajian

- 1) Mengenalpasti amalan pengajaran KBD menerusi aspek penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan guru agama SABK.
- 2) Mengenalpasti amalan pengajaran KBD menerusi aspek kaedah pengajaran dalam kalangan guru agama SABK.
- 3) Mengenalpasti amalan pengajaran KBD menerusi aspek penggunaan BBM dalam kalangan guru agama SABK.
- 4) Mengenalpasti amalan pengajaran KBD menerusi aspek sahsiah dalam kalangan guru agama SABK.
- 5) Mengenalpasti perbezaan menerusi aspek penggunaan Bahasa Arab guru agama SABK berdasarkan demografi.

1.6 Persoalan Kajian

- 1) Apakah amalan pengajaran KBD menerusi aspek penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan guru agama SABK?
- 2) Apakah amalan pengajaran KBD menerusi aspek kaedah pengajaran dalam kalangan guru agama SABK?





3) Apakah amalan pengajaran KBD menerusi aspek penggunaan BBM dalam kalangan guru agama SABK?

4) Apakah amalan pengajaran KBD menerusi aspek sahsiah dalam kalangan guru agama SABK?

5) Apakah perbezaan menerusi aspek penggunaan Bahasa Arab guru agama SABK berdasarkan demografi (jantina, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik)?

1.7 Hipotesis Kajian



Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan menerusi min skor aspek penggunaan Bahasa Arab guru agama SABK berdasarkan jantina.

Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan menerusi min skor aspek penggunaan Bahasa Arab guru agama SABK berdasarkan pengalaman mengajar.

Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan menerusi min skor aspek penggunaan Bahasa Arab guru agama SABK berdasarkan kelulusan akademik.





1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini memberi gambaran mengenai amalan pengajaran guru agama dalam Kurikulum Bersepadu Dini di SABK negeri Kelantan.

Kerangka kajian ini melihat tentang amalan pengajaran yang meliputi penggunaan Bahasa Arab, kaedah pengajaran, penggunaan BBM dan sahsiah. Selain itu, kajian ini adalah untuk mengetahui perbezaan penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan guru agama berdasarkan pemboleh ubah tidak bersandar menerusi profil demografi jantina, pengalaman mengajar dan kelulusan akademik. Instrumen borang soal selidik telah digunakan oleh pengkaji supaya dapat mengenalpasti objektif kajian yang dijalankan.




Rumusannya, ianya berfokuskan terhadap amalan pengajaran guru agama melalui pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan negeri Kelantan. Perincian mengenai kajian ini ditunjukkan secara terperinci menerusi rajah 1.1 sebagaimana yang berikut:



Rajah 1.1

Kerangka konsep Amalan Pengajaran Guru Agama Dalam Pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini.



1.9 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilaksanakan oleh semua penyelidik pasti mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Perkara yang sama juga turut berlaku menerusi kajian ini. Adalah menjadi satu harapan menerusi kajian ini supaya menjadi rujukan serta panduan terhadap pihak-pihak yang berkaitan tentang amalan pengajaran guru agama melalui sistem KBD.

Kepentingan bagi kajian ini telah melibatkan beberapa pihak. Antaranya ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) serta Lembaga Penasihat Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI). Merujuk kepada cabaran dan dapatan yang ditemui menerusi kajian ini, diharapkan ianya akan



menjadi rujukan terhadap pihak-pihak yang mempunyai kepentingan sebagaimana berikut bagi memantapkan dan meningkatkan lagi sistem kurikulum dini melalui kalangan guru. Sebagai contoh, dengan mewujudkan bengkel pemantapan pelaksanaan kurikulum dini supaya dapat mewujudkan golongan guru agama yang mempunyai kompetensi diri yang baik serta berkualiti menerusi bidang pendidikan khususnya dalam pelaksanaan pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini di dalam bilik darjah.

Selain KPM, JAKIM, dan LEPAI, hasil penyelidikan ini boleh menjadi panduan terhadap pihak pentadbir sekolah kerana menerusi sesuatu hasil dapatan kajian, mereka akan dapat mengenalpasti punca masalah yang dialami oleh guru-guru agama di sekolah mereka. Pentadbir sekolah yang bertindak sebagai pembimbing dan fasilitator terhadap para guru seharusnya mempunyai usaha untuk menangani masalah yang timbul. Ianya adalah bertujuan untuk membangunkan dan melahirkan guru-guru agama yang berkualiti tinggi melalui pengajaran dan pembelajaran KBD, melahirkan golongan murid yang dilengkapi akhlak dan budi pekerti yang mulia serta dapat merealisasikan matlamat dan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Akhir sekali, menerusi konteks kepentingan kajian, adalah diharapkan ianya menjadi rujukan serta panduan terhadap guru-guru agama SABK yang melaksanakan sistem kurikulum dini. Menerusi kajian ini, ianya akan dapat membuka mata guru bagi mengenalpasti kelemahan yang wujud menerusi pengajaran mereka. Kelemahan dan masalah yang timbul akan dapat diperbaiki serta ditambah baik sekiranya para guru sedar akan masalah dan kelemahan yang ada dalam pelaksanaan pengajaran KBD. Menurut Asariah Mior (2009), guru yang baik ialah seseorang guru yang selalu ingin memperbaiki diri serta kadangkala memikirkan di mana kelemahannya boleh





diperbaiki bagi mencapai matlamat untuk melahirkan modal insan yang cemerlang. Sekiranya guru dapat meningkatkan amalan pengajaran mereka, pelaksanaan pengajaran KBD semestinya akan boleh dijalankan dengan baik bersesuaian dengan kehendak matlamat FPI.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini menggariskan mengenai batasan kajian yang wujud melalui kajian ini. Antaranya ialah, ianya dilaksanakan di Kelantan. SABK di negeri Kelantan amat sesuai bagi pelaksanaan kajian ini kerana negeri tersebut adalah yang terawal mendapat pengiktirafan kenaikan taraf daripada sekolah agama kerajaan negeri kepada sekolah bantuan kerajaan di Malaysia. Meskipun terdapat sejumlah 21 SABK di negeri Kelantan, ianya hanya merangkumi tujuh SABK sahaja dimana melibatkan hanya tiga daerah iaitu Kota Bharu, Bachok dan Pasir Puteh. Kajian dijalankan di tiga buah daerah sahaja kerana terdapat kekangan dari segi pergerakan pengkaji ke sekolah-sekolah SABK yang lain memandangkan ianya dijalankan sewaktu musim pandemik covid-19. Hasil dapatan adalah berpandukan terhadap SABK di negeri Kelantan sahaja serta tidak menunjukkan keseluruhan SABK di Malaysia secara umumnya.

Hanya golongan guru sahaja yang terlibat menerusi kajian ini tanpa melibatkan golongan murid. Ini adalah berikutan kerana guru adalah seorang pendidik yang menyampaikan pengajaran KBD. Seramai 71 orang guru agama yang merupakan



sampel kajian ini dimana mereka mengajar matapelajaran yang berpandukan kepada kurikulum dini tanpa mengambil kira penglibatan guru matapelajaran yang lain.

Kaedah bagi kajian ini adalah secara kuantitatif sahaja tanpa adanya melibatkan kaedah kualitatif iaitu dengan pengedaran borang soal selidik. Kajian yang dilaksanakan ini juga adalah untuk mengenalpasti amalan pengajaran guru agama SABK menerusi Pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini melalui aspek penggunaan Bahasa Arab, kaedah pengajaran, penggunaan BBM dan sahsiah diri guru.

1.11 Definisi Operasi Kajian

Definisi operasional dibincangkan bagi memberi penjelasan terhadap beberapa penggunaan istilah menerusi tajuk kajian ini. Antaranya ialah:

1.11.1 Amalan Pengajaran

Berdasarkan daripada Osman Muamat (2016), amalan pengajaran merupakan sebuah proses yang dapat menyalurkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan mengubah perlakuan murid. Amalan pengajaran juga merangkumi beberapa bentuk pengurusan serta cara untuk mengendalikan bilik darjah secara sistematik yang melibatkan kepada aktiviti, latihan, bahan bantu mengajar serta teknik diaplikasikan sewaktu mengajar. Menurut Shahabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub (2003), pengajaran ialah sebuah proses



yang mempunyai penglibatan guru serta murid dimana ianya merangkumi aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Mok Soon Sang (2000) pula memberi definisi pengajaran menerusi konteks masa kini sebagai proses, komunikasi, sains serta seni. Amalan pengajaran juga merupakan proses yang dikaitkan dengan penyebaran ilmu pengetahuan dan kemahiran agar murid boleh belajar dan menguasai perkara yang dipelajari dengan berkesan.

Beberapa aspek seperti penggunaan Bahasa Arab, kaedah pengajaran, penggunaan BBM dan sahsiah guru merupakan antara elemen-elemen amalan pengajaran yang dikaji melalui kajian ini.

1.11.2 Guru Agama



Abdul Halim Tamuri et al (2012) memberi pernyataan bahawa guru merupakan insan berilmu yang berusaha menyampaikan ilmunya. Menurut para sarjana Islam pula, golongan guru diistilahkan sebagai Murabbi, Muallim, Mudarris, Mursyid dan Muaddib (Kamarul Azmi & Abdul Halim, 2007). Guru ialah insan yang mempunyai tanggungjawab untuk memaklumkan, mengajar, memindahkan seta menyampaikan kepelbagaian jenis maklumat, disiplin serta pengetahuan terhadap murid menerusi latihan, arahan atau bentuk pengajaran yang seumpamanya di dalam bilik darjah. (Abdul Halim Tamuri et al. 2004)

Guru agama berdasarkan kajian yang dijalankan adalah guru yang mengajar matapelajaran berpandukan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).





1.11.3 Kurikulum Bersepadu Dini

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) adalah sebuah kurikulum khas yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan Lembaga Penasihat Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI). Pada tahun 2012, kurikulum ini menerima pengiktirafan sebagai kurikulum kebangsaan dan dilaksanakan menjelang tahun 2015. Sukatan KBD adalah sukatan yang menggunakan sepenuhnya Bahasa Arab dalam matapelajaran yang ditetapkan.

1.12 Rumusan

Amalan pengajaran yang berkesan membolehkan wujudnya sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti kerana pelaksanaannya adalah antara salah satu konteks utama kurikulum yang dilaksanakan. Pelaksanaan amalan pengajaran yang berkesan akan membawa kepada kecemerlangan sistem pendidikan dan penghasilan impak yang besar terhadap pembangunan masyarakat serta negara.

Justeru, guru perlu memperkasakan amalan pengajaran serta menambah baik kemahiran sedia ada. Hal ini adalah kerana kurikulum yang diajar oleh para guru merupakan asas kepada sesuatu sistem pendidikan dimana kejayaan pelaksanaan sesuatu pengajaran dan pembelajaran akan dapat membentuk masyarakat yang berjaya pada masa hadapan di samping mewujudkan modal insan yang seimbang serta cemerlang dari segi dunia serta akhirat.

